http://library.utm.my
Jilid 27 Bil. 4 ISSN 1823-4763
Oktober—Disember 2016

UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

# BULETIN PERPUSTAKAAN

[ **INSIDE THIS ISSUE** ]

- 12 Things You Need To Know About Borrowing
- UTM Library Document Management System
- Steps to Access UTM Institutional Repository

## TAHNIAH! PERPUSTAKAAN UTM BERJAYA MENDAPAT PENSIJILAN VERSI BAHARU ISO 9001:2015




*Komitmen dan kerjasama kunci kejayaan kami*

Perpustakaan UTM terus kekal cemerlang dalam Sistem Pengurusan Kualiti dengan berjaya memperoleh pensijilan versi baharu ISO 9001:2015 bermula 5 Disember 2016 sehingga 28 November 2019.

Usaha menaik taraf pensijilan ini telah bermula pada penghujung tahun 2015 dan ianya digiatkan lagi pada awal 2016 sehingga semua dokumentasi dan Audit Dalam dilaksanakan pada Julai 2016. Banyak perubahan dalam proses kerja telah dilalui oleh Perpustakaan UTM semenjak ianya mula mendapat pensijilan iaitu pada Mei 1998.

Sehingga kini Perpustakaan masih meneruskan usaha menambahbaik perkhidmatan dan pematuhan kepada piawaian ISO 9001:2015 merupakan mekanisma yang dijadikan panduan.


SIRIM QAS

CERTIFICATE

SIRIM QAS International hereby certifies that

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA
(PERPUSTAKAAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA)
81310 JOHOR BAHRU
JOHOR DARUL TAKZIM
MALAYSIA

has implemented a Quality Management System complying with

ISO 9001:2015

QUALITY MANAGEMENT SYSTEMS - Requirements

Scope of Certification

PROVISION OF LIBRARY SERVICES

Issue date : 05 December 2016
Validity period : 05 December 2016 - 28 November 2019
Certification No : AR 1405

Mohd Azamuddin Salleh
Managing Director
SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

Setinggi ucapan terima kasih diucapkan kepada warga Perpustakaan di atas komitmen serta kerjasama yang baik dalam menjayakan dan merealisasikan program ini dan semoga usaha ini mampu menjadi pemangkin kejayaan Perpustakaan yang akan memenuhi ciri 3R iaitu Relevance, Referred dan Respected.

## KARNIVAL PERPUSTAKAAN UTM TARIK MINAT WARGA KAMPUS DAN MASYARAKAT SEKITAR

Karnival Perpustakaan UTM telah diadakan di Perpustakaan Raja Zarith Sofiah pada 30 November 2016 dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang dan telah dirasmikan oleh Yang Berbahagia Dr. Hajjah Kamariah Binti Nor Mohd Desa, Ketua Pustakawan, Perpustakaan UTM. Karnival ini bermatlamat untuk menyebar luas kemudahan dan perkhidmatan Perpustakaan kepada warga kampus dan masyarakat sekitarnya.

Perpustakaan telah bekerjasama dengan beberapa agensi kerajaan seperti Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta (JPPH), dan Bahagian Farmasi Johor serta beberapa agensi lain termasuk Duta Jauhar, Ecotourism UTM dan Institut Bioproduk UTM. Agensi yang terlibat berkongsi maklumat menerusi pameran dan khidmat runding rujuk di booth yang disediakan.

Terdapat aktiviti lain seperti cabutan bertuah, kuiz, dan photo booth turut diadakan bagi memeriahkan lagi carnival Perpustakaan UTM. Selain itu food truck dan jualan makanan, minuman dan lain-lain turut mengambil bahagian di dalam karnival ini.



*Antara gerai jualan makanan yang mengambil bahagian*

# DARI MEJA EDITOR




*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh & Salam Sejahtera*

Salam Sejahtera,
Perpustakaan UTM melabuhkan tirai tahun 2016 dengan mengukir sebuah kejayaan yang meletakkan Perpustakaan pada kedudukan yang berprestasi tinggi dan sebagai rujukan, dihormati dan terus kekal relevan.
Kejayaan Perpustakaan mendapat pensijilan versi baharu ISO 9001:2015 pada bulan Disember 2016, telah menjadikan Perpustakaan sebagai Jabatan pertama di UTM yang menerima pensijilan tersebut.
Pencapaian ini telah memberikan impak tinggi kepada kelangsungan perkhidmatan Perpustakaan berkualiti dan berfokus kepada pelanggan serta pengukuhan dalam pengurusan risiko.
Saya ingin merakamkan setinggi ucapan tahniah kepada warga Perpustakaan UTM di atas kejayaan mendapat pensijilan versi baharu ISO 9001:2015. Kejayaan ini membuktikan warga Perpustakaan telah memberikan sepenuh komitmen dan kerjasama yang sangat baik untuk memastikan kualiti perkhidmatan Perpustakaan berprestasi tinggi disampaikan kepada pengguna. Disamping itu, saya juga ingin mengajak pembaca untuk mengintai slot baru iaitu "Student's Write Up" dalam keluaran kali ini, di mana pelajar berkongsi pengalaman dan ilmu hasil daripada menghadiri bengkel latihan pangkalan data di Perpustakaan.
Semoga Perpustakaan terus melangkah dengan lebih cemerlang pada tahun 2017. Inshaa Allah…






Sekian, terima kasih.

"BANGSA MEMBACA, BANGSA BERJAYA"

*Akhir kalam, selamat membaca.*

## 12 THINGS YOU NEED TO KNOW ABOUT BORROWING
## A LAYMAN'S GUIDE TO UTM LIBRARY LENDING POLICIES

**1**




Always have your matric card with you and don't let others use it. Borrowers are responsible for all items checked out on their cards, includes the overdue fines.

**2**



Make sure to check out the items if you are taking the out of the Library. You can do so at Circulation Counter at Self Checkout Machines.

**3**




Do you know that the number of items you can borrow is different for each users? Ask our staff for more info.

**4**




Utilize your Library Account to :

- review checked out items
- view outstanding fines
- place a HOLD on an item which is checked out

5




Return all items on the due dates and avoid fines. However, if you REALLY like the item, you can renew it online via Library Account (maximum two times).

6




Always keep your transaction receipts for future references. You never know when you might need it.

7




Items may be recalled before the original due date. If you receive a recall notice from us, please return the book ASAP..

8




Take care of our books and other reading materials. Please...

9



Please contact the Library as soon as you are sure that the borrowed item is either Irreparably damaged or lost forever. We will let you know the replacement cost for the book plus any late charges (if any).

10




Library Courtesy Notice is simply a reminder about when your books/items are due. These notice are sent to the users via their University's email address. Therefore, it is important to...

11




Check your University's email regularly or have them forwarded to you personal email so you would not missed any reminders from the Library.

12




BLOCKED? The rule is that if you do not return books and they become overdue, you will not be able to borrow anything until those items are returned and fines are paid.






## MAKLUMBALAS MENGENAI PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN ANTARA ISU UTAMA SESI DIALOG PERPUSTAKAAN BERSAMA MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR



Satu sesi dialog di antara Majlis Perwakilan Pelajar (MPM) dan Perpustakaan UTM telah diadakan pada Khamis, 15 Disember 2016, bertempat di Bilik Mesyuarat Utama PSZ, jam 10.0 pagi – 12.00 tengahari. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pustakawan (Perkhidmatan) dan dihadiri seramai 11 orang yang terdiri daripada Ketua-ketua Bahagian, Perpustakaan UTM serta wakil MPM.

Tujuan utama sesi dialog ini adalah untuk membincangkan isu semasa dan maklumbalas daripada pelajar mengenai perkhidmatan perpustakaan. Antara isu berbangkit ialah mengenai masalah pengaksesan kertas soalan peperiksaan digital, barkod pelajar baru, pelanjutan waktu operasi perpustakaan terutamanya sepanjang musim peperiksaan, bilik 24 jam, peringatan pemulangan buku dan Friends of the Library (FOLY) .

Semoga sesi seumpama ini diteruskan bagi mengukuhkan komunikasi antara perpustakaan dan mahasiswa.

## ROADSHOW PERPUSTAKAAN UTM BERI PENCERAHAN BERKAITAN PENERBITAN




Dua siri roadshow telah dijalankan oleh Perpustakaan UTM pada 22 November 2016 di Makmal Perkomputeran, Fakulti Tamadun Islam dan pada 30 November 2016 di Lobi Perpustakaan Raja Zarith Sofiah.

Sepanjang roadshow dijalankan, Perpustakaan telah mengadakan pelbagai aktiviti khidmat runding rujuk seperti penggunaan pangkalan data atas talian, perundingan jurnal berimpak tinggi serta insentif penyelidikan dan penerbitan, perkhidmatan perpustakaan, pemulangan buku dan pembayaran denda, permohonan kelas kemahiran lanjut, kelas Research Methodology, kelas Endnote, dan kelas Turnitin, cadangan pembelian buku oleh staf akademik dan sumbangan buku.

Selain itu, sedikit kelainan pada roadshow yang diadakan di Fakulti Tamadun Islam iaitu satu sesi taklimat selama 2 jam berkaitan insentif penyelidikan dan penerbitan serta kemudahan dan perkhidmatan Perpustakaan telah dijalankan.

Siri roadshow ini akan sentiasa dijalankan bagi merapatkan hubungan Perpustakaan dan pelanggannya.

## PROGRAM PENDIDIKAN PENGGUNA BANTU MAHASISWA DALAM PENYEDIAAN PENERBITAN ILMIAH

Sepanjang tahun 2016, sebanyak 130 sesi Program Pendidikan Pengguna telah dijalankan di Perpustakaan UTM merangkumi tiga bangunan utama iaitu Bangunan Perpustakaan Sultanah Zanariah Johor Bahru, Bangunan Perpustakaan Raja Zarith Sofiah dan Perpustakaan Sultanah Zanariah Kuala Lumpur. Program ini melibatkan pelajar dari pelbagai program pra-siswazah dan pasca-siswazah.

Program ini diadakan pada setiap semester dan bertujuan memberi pendedahan kepada pengguna untuk mengembangkan kemahiran maklumat dalam menggunapakai sepenuhnya sumber koleksi, perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh perpustakaan.

| Program | Bil. Kelas | Bil. Pelajar |
|---|---|---|
| Kelas Kemahiran Perpustakaan Asas | 21 | 477 |
| Kelas Kemahiran Perpustakaan Lanjutan | 46 | 709 |
| Kelas Kemahiran Perpustakaan Pasca-Siswazah | 6 | 90 |
| Bengkel Kaedah Penyelidikan | 46 | 771 |
| Kelas EndNote & Turnitin | 11 | 150 |





## PERSIDANGAN PUSTAKAWAN PERPUSTAKAAN UTM 2016



Persidangan Pustakawan Perpustakaan UTM 2016 telah diadakan pada 1 Disember 2016 bertempat di Bilik Seminar, Perpustakaan Raja Zarith Sofiah, UTM Johor Bahru. Persidangan selama sehari ini telah dirasmikan oleh Ketua Pustakawan, Dr. Hajjah Kamariah binti Nor Mohd. Desa.

Di dalam ucap dasarnya, beliau telah berkongsi intipati daripada menghadiri 'Retreat Lembaga Pengarah UTM 2016' yang telah diadakan pada 25-27 November 2016 di Awana Genting Highlands Resort. Menurut beliau, strategi dan inisiatif 2017 adalah mengikut Pelan Semakan Strategi UTM 2017: Pelan Global UTM 2012-2020 dan Pelan Global UTM Fasa II yang berpaksikan kepada Kelestarian Kewangan; Kecemerlangan Akademik; Kecemerlangan Penyelidikan dan Inovasi; Penyampaian Berprestasi Tinggi dan Reputasi Global.

KAI Perpustakaan UTM 2017 perlu mengambilkira keperluan Universiti terutamanya dalam memberikan perkhidmatan yang berprestasi tinggi dalam bidang pengurusan maklumat, perkhidmatan maklumat dan sokongan penyelidikan dalam memenuhi keperluan dan kepuasan pelanggan.

Sebelum berlangsung persidangan, satu pra-bengkel persidangan telah diadakan pada 28-29 November 2016 bertempat di bangunan Perpustakaan Raja Zarith Sofiah, UTM Johor Bahru. Bengkel selama dua hari ini melibatkan perbincangan kumpulan berkaitan KAI Perpustakaan untuk tahun 2017. Hasil daripada perbincangan bengkel tersebut telah dibentangkan dalam Persidangan Pustakawan.

Hasil daripada pra-bengkel dan pembentangan, secara keseluruhan jumlah KAI bagi tahun 2017 adalah sebanyak 42 KAI, di mana sebanyak 8 KAI adalah KAI baharu dan 32 KAI adalah sedia ada yang ditambahbaik.

Persidangan ini menjadi platform yang terbaik dalam mengatur perancangan dan gerak kerja Perpustakaan UTM dalam memenuhi petunjuk prestasi UTM dan objektif Perpustakaan sebagai penyedia maklumat terulung dalam bidang Sains dan Teknologi.



*Ucap dasar disampaikan oleh Yang Berbahagia Dr. Kamariah Nor Mohd Desa, Ketua Pustakawan*

Dalam ucapan penutup, Dr. Kamariah Nor Mohd Desa berharap agar Perpustakaan UTM dapat meneruskan kecemerlangan dalam memberikan mutu perkhidmatan yang berkualiti tinggi kepada pengguna dan Universiti. Semoga Perpustakaan dapat meneruskan kelangsungan perkhidmatan Perpustakaan pada tahun 2017 yang penuh dengan cabaran terutamanya dalam kelestarian kewangan dan Perpustakaan akan terus kekal relevan dan menjadi rujukan pada masa akan datang.

## AIR OH AIR... BEKALAN AIR DI JOHOR: NON-REVENUE WATER (NRW) DAN KEPENTINGANNYA




*Penceramah undangan ialah En. Khairul Effendy Tusam, CEO Ranhill Water Services*

Satu program K-sharing yang bertajuk Bekalan Air Di Johor: Non-Revenue Water (NRW) dan Kepentingannya telah diadakan di Bangunan Perpustakaan Sultanah Zanariah, Johor Bahru, pada 13 November 2016, jam 2.30 – 5.00 petang. Penceramah undangan ialah En. Khairul Effendy Tusam, CEO Ranhill Water Services.

Objektif utama sesi ini ialah untuk berkongsi berkenaan masalah kehilangan air semasa pengagihan bekalan kepada pengguna dan cara untuk mengatasi isu ini. Adalah diharapkan melalui perkongsian maklumat ini, orang ramai lebih prihatin mengenai isu kehilangan air dan bekerjasama dalam menguruskan isu ini.

# K-SHARING MARATHON WADAH PERKONGSIAN MAKLUMAT

Sempena Karnival Perpustakaan UTM pada 30 November 2016, Perpustakaan UTM telah menganjurkan program K-Sharing Marathon. Sebanyak dua program K-Sharing telah dijalankan pada sesi pagi dan petang.



K-Sharing pertama bertajuk “Fungsi dan Peranan Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta” yang telah disampaikan oleh Puan Siti Jaliah binti Adam, Pegawai Penilaian, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Johor Bahru telah dihadiri seramai 90 orang pengunjung perpustakaan termasuk staf dan orang ramai. K-Sharing ini menerangkan program dan aktiviti yang telah dijalankan dalam membantu pelanggan memohon pinjaman perumahan.

K-Sharing kedua pula bertajuk “Kenali Ubat Anda” yang telah disampaikan oleh Puan Raudathun Sa’adiah binti Ithnin, Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Perkhidmatan Farmasi Johor dan Encik Mohd. Hazwan Bin Ali, Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Perkhidmatan Farmasi Johor dan telah dihadiri seramai 71 orang. Antara kandungan perkongsian maklumat adalah mengenai penggunaan dan kesan ubat yang dibekalkan oleh pusat kesihatan kepada diri dan impak pengambilan ubat secara berlebihan kepada kesihatan.

Program K-Sharing Marathon ini adalah sebagai medan perkongsian ilmu dan maklumat untuk warga UTM dan masyarakat sekitarnya.

# SEJARAH NATRAH – KEPENTINGAN JATI DIRI DAN KASIH AGAMA TURUT DIHADIRI OLEH PIHAK LUAR




Pada 20 Disember 2016, Perpustakaan UTM dengan kerjasama pihak Penerbit UTM telah menganjurkan sesi perkongsian ilmu yang bertajuk ‘Sejarah Natrah – Kepentingan Jati Diri dan Kasih Agama’, yang telah disampaikan sendiri oleh Puan Sri Fatini Yaacob, penulis buku berkenaan. Program ini bermula pada jam 2.30 petang bertempat di Bilik Seminar 3, Perpustakaan Sultanah Zanariah, UTM Johor Bahru.

Pihak penganjur juga telah bekerjasama dengan UTM Campus Sustainability (UTMCS) dan Unit Keselamatan berikutan tarikh berkenaan juga merupakan sambutan kepada aktiviti Car Free Day UTM. Sambutan terhadap program ini sangat memberangsangkan kerana turut dihadiri oleh pihak luar daripada UTM, contohnya peminat Natrah daripada daerah Batu Pahat dan Muar.

Antara objektif utama perkongsian kisah Natrah untuk melengkapkan kisah hidup atau biografi Natrah setelah Natrah atau Bertha Hertogh, meninggal dunia pada 8 Julai 2009. Selain daripada itu, ianya juga bertujuan untuk memberikan maklumat lengkap terutamanya kepada pembaca yang baru mengikuti kisah Natrah, menzahirkan penghargaan kepada perjuangan para pejuang membela agama dan penentangan terhadap penjajah di sebalik kisah cinta Natrah-Mansur Adabi, dan untuk membangkitkan rasa cinta kepada agama, bangsa dan tanah air.

Selain daripada itu, acara ini turut diwarnai dengan aktiviti jualan buku oleh pihak Penerbit dan sesi tandatangani bersama penulis buku. Semoga karya ini menjadi iktibar dan membangkitkan rasa jati diri dan kasih terhadap agama dalam kalangan generasi semasa dan akan datang.

# UTM LIBRARY DOCUMENT MANAGEMENT SYSTEM

UTM Library Document Management System (DMS) is a collection of the UTM's intellectual or research output in digital format.

DMS centralize, collect, preserve and provide access to the collection of scholarly materials that showcases the research output of Universiti Teknologi Malaysia communities.

DMS allows user to download the article or material in full text. Among the resources available from UTM Library Document Management System (DMS) are:

» News Paper Cuttings
» Exam Papers
» Thesis / Project Paper
» Indexed / Non-Index Paper
» Article from UTM/Selected Journal
» Research Report
» Photograph/Realia/Multimedia
» Top Management Profile
» Book Chapter

## HOW TO ACCESS DMS :

1. Go to the library portal at —- > http://utm.library.my
2. Click —- > UTM Theses & Exam Papers
3. Sign in using ACID account and choose "Restricted Repository" for the site.
4. Start searching at the Search area or by clicking "Show All" then select any of these categories: "Creator", "Subject", "Format Type", "Source" and "Resource Type".
5. A result list will be displayed. Click on the title that you wish to view.
6. Click 'Download' to view the full document.












# USING SCOPUS AND SCIENCE DIRECT AS RESEARCH AND PUBLICATION TOOLS

Nurhidayah Zaid, Nabilah Najmuddin, Alia Husna Mohd Noor, Nur Idayu Alimon and Athirah Zulkarnain
edayahzaid@yahoo.com, nabilah.najmuddin@yahoo.com, mylife_syafia@yahoo.com, nuridayualimon@yahoo.com, athirah.zulkarnain@yahoo.com

**STUDENT'S WRITE UP**

15 November 2016 | 9.00 a.m. – 12.00 p.m. | Information Searching Lab 2, Level 3, Perpustakaan Sultanah Zanariah, UTM Johor Bahru

The workshop was divided into two parts. In the first part, the speaker introduced briefly on ScienceDirect.

## SCIENCEDIRECT

ScienceDirect is a full-text database website, containing thousands of book titles and journals.

» to search for desired book titles and papers, we were taught on how to use the advanced search tool.
» to search for keywords, it is advised to use quotation marks ("…") or curly brackets ({…}).

This is because, if we search a phrase using these notations, the results will be filtered by titles that have the words appear closer together.
for instance, if we search for commutativity degree, the search tool will search for titles with the word *commutativity* and *degree*. But if we put "*commutativity degree*", the search tool will find titles that have both word commutativity degree together.
Hence, it will be easier to find the desired papers. Besides the keywords, titles and name of journal, we can also filter by affiliation, year of publication and other fields.
For papers and books that are stored in ScienceDirect, there are indicators that shows the availability. The indicators are as follow:

| Indicator | Colour | Description |
|---|---|---|
| | Grey | • Paper not subscribed by the library |
| | Green | • Paper is subscribed by the library<br>• Can be obtained in pdf and html form |
| | Orange | • Open access<br>• Can be obtained only in pdf form |

Besides that, ScienceDirect also provides:
» Save search alert tool which is placed at the top right of the page.
By saving the search alert, we will receive emails if there is any new book or paper that are published in ScienceDirect that have the same keyword. This can help us to maintain up-to-date with the latest reference. But in order to do so, we need to register first. The username and password can be used in all Elsevier websites, including Scopus.
To publish with Elsevier (i.e. ScienceDirect):
» Go to the ScienceDirect homepage and click Publish with Elsevier which is located at the bottom of the homepage.
There, we can choose the title of journals that are related to our topic. If we are not sure which journal should we choose, we can always seek help by clicking match your manuscript that is located in the same page. There, we need to upload our manuscript/abstract and the person in charge will help to suggest some journals that are related to our topics.





## SCOPUS

The second part of this training is about Scopus. Scopus is an abstract-citation database. Almost the same with ScienceDirect, we need to use advanced search in order to increase the accuracy of search results.
In Scopus, we can click on add search field in order to add more keywords or other fields such as affiliation and year of publication. In addition, after obtaining the search results, we can do secondary search by clicking search within results or filters which are located at the left of the page. Using these tools, we can narrow down our search results.
Next, we were taught on how to check whether the journal or proceeding is indexed in Scopus. To do this, we need to:
» click the *source* button and search for the title of journal. The title of journal must be typed correctly or else Scopus will not be able to find it.

Besides that, we can also download *Scopus Title List* which is available in Excel format. The title list is updated in the website two to three times per year.
In addition, we can also compare the performance of each journals by clicking on *compare journals* which is available on the top of the *Scopus* homepage. By searching for the desired journal titles, we will be able to compare the performances in term of Source Normalized Impact per Paper (SNIP), SCImago Journal Rank (SJR) and other fields.
The presenter also entertained us by giving quizzes. The quizzes were related with what she has presented before. This can make us alert with her presentation to make sure we can get answer all the questions in quizzes because the winner will get presents from the presenter.
Overall, the training was very beneficial to all of us as we can use the knowledge to find article papers and books that are related to our research topics. Moreover, we were also given the Scopus and ScienceDirect Quick Reference Guide booklets for which will help us more in using those webs.

## Steps to Access

# UTM Institutional Repository

## UTM-IR

Universiti Teknologi Malaysia Institutional Repository (UTM-IR) is a digital collection of the University's intellectual or research output. Institutional repositories centralize, collect, preserve, and comply to open access concept of accessing collection of scholarly materials that showcases the research output of Universiti Teknologi Malaysia communities. UTM Library is responsible in establishing, collaborating, managing, maintaining and disseminating the content of UTM-IR.
Here are the steps to get the information from the UTM-IR :

**#1**

Go to this link:
http://eprints.utm.my

**NO LOGIN NEEDED** to get most of the papers/articles in this repository







**#2**

**Browse by Year**
To search by year of publication




**#3**

**Browse by Subject**
To search by subject matter




**#4**

**Browse by Division**
To search for materials by faculty




**#5**

**Browse by Types**
To search by categories of material

## BUDAYA ILMU: SATU PENJELASAN



Satu Program Bicara Karya telah dianjurkan oleh Perpustakaan Sultanah Zanariah UTM Kuala Lumpur pada 13 Oktober 2016. Bicara karya yang bertajuk Budaya Ilmu: Satu Penjelasan telah disampaikan oleh Prof. Dr. Wan Mohd Nor Wan Daud. Sambutan yang diterima sangat menggalakkan, tetamu yang hadir membanjiri Dewan Seminar Menara Razak dengan kehadiran lebih kurang 153 tetamu jemputan. Sepanjang dua jam program tersebut berlangsung, banyak ilmu yang diperoleh oleh para hadirin. Antara intipati bicara karya tersebut adalah Prof. Dr. Wan Mohd Nor Wan Daud telah membuka minda para hadirin dengan menekankan bahawa budaya ilmu adalah asas kepada kejayaan individu, masyarakat dan tamadun.

Kesedaran tentang kepentingan cara menimba ilmu perlu diambil berat oleh generasi zaman moden. Melalui pemahaman yang betul mengenai konsep ilmu dapat membentuk graduan yang bukan sahaja mahir dalam bidang yang dipelajari malah membentuk modal insan yang berkualiti. Beliau bukan sahaja membicarakan kepentingan ilmu daripada pandangan islam, malah turut mengupas daripada pandangan dan kefahaman agama lain.

Semoga dengan perkongsian pada sesi Program Bicara Karya kali ini dapat membuka minda mereka dalam usaha mencari ilmu dimana sahaja iaitu tidak mengira masa dan tempat kerana ianya pasti akan memberi manfaat suatu hari kelak. Diharap juga, dengan perkongsian ilmu ini, para hadirin dapat memupuk minat mereka untuk lebih mencintai dan menghargai ilmu

## ROADSHOW PERPUSTAKAAN SPACE UTM



Satu program Roadshow Perpustakaan UTM SPACE telah diadakan pada 15 Oktober 2016 di Foyer Perpustakaan UTM SPACE bermula jam 9.00 pagi sehingga 3.00 petang. Roadshow ini merupakan program usahasama antara Perpustakaan UTM Kuala Lumpur dengan Perpustakaan SPACE Kuala Lumpur.

Antara aktiviti yang dijalankan adalah pendaftaran keahlian, peminjaman dan pemulangan buku, pencarian bahan, penggunaan pangkalan data, jurnal berimpak, Turnitin, Book Donation dan sebagainya bagi memenuhi dan menyokong keperluan pengajaran dan pembelajaran.

Program ini dilaksanakan adalah untuk mendekatkan lagi hubungan antara pengguna dengan Perpustakaan serta memberi pendedahan kepada pengguna berkenaan perkhidmatan yang diberikan oleh perpustakaan.

## PERPUSTAKAAN UTM TURUT SERTA DALAM HARI BERSAMA PELANGGAN UTM KUALA



Hari Bersama Pelanggan UTM Kuala Lumpur telah diadakan pada 23 November 2016. Perpustakaan Sultanah Zanariah UTM Kuala Lumpur telah turut serta dalam menyertai Hari Bersama Pelanggan tersebut.

Tujuan program ini dilaksanakan adalah untuk mendekatkan lagi hubungan antara pengguna dengan perpustakaan serta memberi pendedahan kepada pengguna berkenaan perkhidmata yang diberikan oleh perpustakaan.

Antara aktiviti yang diadakan sepanjang program berlangsung adalah seperti pendaftaran keahlian, peminjaman dan pemulangan bahan, book donation, pencarian bahan, pangkalan data, jurnal berimpak, Turnitin, Endotes dan lain-lain.

## LATIHAN DATA ENTRI PENERBITAN RADIS



Pada 15 November 2016 satu latihan data entri RADIS telah dilaksanakan di UTMKL secara Video Conferencing dengan kerjasama Perpustakaan UTM Kuala Lumpur dan Perpustakaan UTM Johor Bahru.

Objektif program adalah untuk meningkatkan kefahaman ahli akademik tentang kepentingan dan penggunaan RADIS.

Dengan adanya bengkel ini, sedikit sebanyak dapat memberi ilmu baru dan banyak persoalan yang telah terjawab kerana jawapan yang diberikan ataupun maklumat diterima terus daripada staf yang terlibat secara langsung.

**NOTHING WORTH HAVING COMES EASY**

# LAWATAN AKADEMIK KE PERPUSTAKAAN UTM



*Lawatan dari Universitas Sebelas Maret, Surakarta, Indonesia pada 8 November 2016*




*Lawatan dari Kolej Vokasional Batu Pahat pada 16 November 2016*



*Lawatan dari SMK Seri Kota Puteri 2, Masai pada 14 November 2016*



*Lawatan dari Sekolah Menengah Kebangsaan Kota Tinggi pada 16 November 2016*



*Lawatan dari Kementerian Pendidikan Afghanistan pada 26 Oktober 2016*



*Lawatan dari Kolej Universiti Islam Melaka pada 16 Oktober 2016*




*Lawatan dari Fakulti Pengurusan Maklumat, Puncak Perdana, Selangor pada 27 November 2016*




*Lawatan dari Kementerian Pendidikan Tinggi Brunei pada 10 November 2016*




# SEKALUNG TAHNIAH!

## KENAIKAN PANGKAT



**Cik Haslina binti Othman**
Pustakawan (S52)



**Puan Zaleha binti Atan**
Pustakawan (S52)



**Puan Liza binti Porijo**
Pustakawan (S44)

## STAF TAMAT PENGAJIAN



**Cik Sharifah Radhiah binti Syed Azman**
*Master of Technology and Innovation Management (MTIM)*

Berjaya menamatkan pengajian di Peringkat Sarjana dan menerima Anugerah Graduan Pasca Siswazah Terbaik untuk Majlis Konvokesyen UTM ke -57

## STAF BAHARU



**Encik Muhammad Hazim bin Yusof**
Pustakawan (S41) - 20 November 2016

# KOLABORASI DALAM PAMERAN KEMERDEKAAN, HIPSTER DAN KHAT

## 'Biarlah Kami Berbicara Tentang Malaysia Yang Merdeka'



*Kolaborasi bersama: Sek. Keb. Taman Universiti 1, Skudai*
*Tarikh: 1-30 September 2016*
*Lokasi: Ruang Legar Dalam, Aras 3, PSZ Johor Bahru & Ruang Bacaan, Aras 1, Perpustakaan Raja Zarith Sofiah*

*Pengisian: 68 buah lukisan berbingkai hasil karya murid tahun dua hingga empat yang menggambarkan ekspresi mereka tentang kemerdekaan dalam pelbagai perspektif.*

## 'Seni Visual Hipster melalui Eksperimentasi Idea dan Bahan'



*Kolaborasi bersama: Artis Residensi Latihan Industri dariHujung Tanah Art Residency*
*Tarikh: 1 September-10 Oktober 2016*
*Lokasi: Ruang Legar Dalam, Aras 3, PSZ Johor Bahru*

*Pengisian: Pelbagai bahan kitar semula dan perhiasan lama diolah secara berseni dengan menerapkan elemen dan gaya Hipster*

## 'Ekspresi Qalam'



*Kolaborasi bersama: Balai Pendidikan Seni Visual Artgeng, Taman Mutiara Rini, Skudai, Johor*
*Tarikh: 6-20 Disember 2016*
*Lokasi: Aras 1, Perpustakaan Raja Zarith Sofiah*

*Pengisian: 13 buah karya seni khat hasil kreativiti para pelajar Universiti Malaysia Sarawak.*

## 'Pameran Raja Kita




*Satu pameran berjudul 'Pameran Raja Kita' telah disediakan oleh para pelajar praktikal UTM di ruang pameran aras 3, Bangunan Perpustakaan Sultanah Zanariah, sepanjang bulan Disember 2016.*

*Objektif utama pameran bersempena dengan lantikan DYMM Yang Dipertuan Agung ke-15, Sultan Muhammad V serta mengenali sejarah lantikan Yang di-Pertuan Agong terdahulu.*

**EDITORIAL**
**PATRON:** Dr. Kamariah binti Nor Mohd Desa
**EDITOR-IN-CHIEF:** Noraziah binti Sharuddin **EDITOR:** Nabilah binti Jamil
**EDITORIAL TEAM:** Zaleha Atan, Syahranah Ahmad Raqi, Siti Nisrin Mohd. Anis, Nor Hafiza Daud Kaiyin, Liza Porijo, Syazwani Syamimi Mat Pauzi, Syarifah Radhiah Syed Azman, Nurrull Huda Abdul Wahid, Khairun Nadzrah Khalid.
**CIRCULATION:** Khalid Yusoff, Sapuan Jamjuri, Faridah Patoni, Faizal Fadzil **PHOTOGRAPHY:** Wan Jamal Mohd. Arif.

*Buletin Perpustakaan is published quarterly in print and online.*
Copyright ©2016